UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: +6088 320000
Fax: +6088 320243/320047
Website: www.ums.edu.my

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** di Universiti Malaysia Sabah. Maklumat jawatan adalah seperti berikut :

1. Jawatan : TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

2. Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)

3. Tangga Gaji (RM) :

1	2	3	4	5
7145.00	7838.78	8599.93	9434.99	10270.05

4. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara

5. Tempoh Perkhidmatan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)

6. Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang **jawatan Profesor Gred Khas C (Berjawatan Tetap atau Kontrak)**

   : Disahkan dalam Perkhidmatan

7. Kriteria Lantikan : Kriteria Umum dan Khusus bagi Pemilihan TNC IPTA

   A) Kriteria Umum

   i). **Kecemerlangan Akademik**
   Mestilah mempunyai Kelayakan Ph.D, mendapat *command dan respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

   ii). **Pengiktirafan Antarabangsa**
   Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

   iii). **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
   Mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.